

**Suara Mahasiswa Perlu Berdasarkan Fakta Dan Bukan Retorik - Najib
Bernama
10 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata suara golongan mahasiswa adalah penting yang perlu didengari oleh semua tetapi ia perlu berdasarkan kebenaran dan realiti.

Beliau berkata pandangan mahasiswa dalam usaha menggalakkan keterbukaan berfikir perlu berdasarkan fakta dan kebenaran dan bukan retorik yang tidak berpijak di bumi nyata.

"Kita inginkan mahasiswa kita dahagakan pada ilmu dan mencari kebenaran serta melontarkan kebenaran meskipun ia adalah berbeza dari kerajaan," katanya selepas menyaksikan pertandingan akhir Debat Piala Perdana Menteri 2012 kategori Bahasa Malaysia di Universiti Malaya, di sini, Rabu.

Najib juga berkata era kerajaan mengetahui segala-galanya telah berakhir dan pindaan pada Akta Universiti dan Kolej Universiti awal tahun ini juga dibuat bagi menggalak keterbukaan mahasiswa berfikir secara kreatif dan kritis.

Katanya, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, beliau juga mahu melihat generasi baru dibangunkan melalui cara yang tersusun dan terancang manakala perubahan yang dibuat harus mengutamakan keberhasilan yang positif.

"Kita semua berkehendakkan perubahan, tetapi apa yang penting ialah keberhasilannya itu, bukan perubahan itu dijadikan retorik ataupun slogan sahaja," katanya.

Pertandingan akhir itu menyaksikan perdebatan antara Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenai usul yang bertajuk 'Dewan ini percaya tukul dan perisai kekerasan perlu untuk melindungi kesederhanaan'.

Pertandingan debat kali kedua itu dianjurkan oleh Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global dan MyHarapan.

UIA muncul juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM25,000 manakala UKM, selaku nain johan, menerima hadiah wang tunai RM15,000.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701063>